



## Rakam perbualan guna android

**B**agaimanakah cara untuk merakam perbualan telefon menerusi telefon berasaskan sistem Android?

-Mim, Kuala Ketil.

Kadangkala merakam perbualan telefon ini penting, sama ada untuk tujuan perundangan atau disimpan sebagai simpanan untuk keperluan pada masa akan datang. Perbuatan merakam perbualan telefon ini untuk tujuan simpanan bukan merupakan sesuatu yang mudah.

Sistem Android tidak mempunyai aplikasi secara dalaman untuk tujuan merakam perbualan telefon. Begitu juga dengan beberapa aplikasi yang boleh didapati menerusi laman web, Google Play Store hanya berupaya merakam hanya perbualan telefon yang berkualiti tinggi sahaja.

Namun begitu, ada beberapa cara yang boleh diguna pakai untuk merakam perbualan telefon berasaskan sistem Android ini untuk tujuan simpanan yang akan dibincangkan seterusnya.

**1** Rakaman perbualan telefon Android menggunakan aplikasi Google Voice yang kebiasaannya ada dalam telefon Android. Namun begitu perlu didaftar dan diakftikan penggunaan akaun dalam Google Voice ini menerusi laman webnya.

Dalam akaun Google Voice, pergi ke *Settings > Call > Enable Recording*. Seterusnya, untuk mula dan berhentikan rakaman dalam telefon Android, tekan butang 4.

**2** Rakaman perbualan telefon Android menggunakan aplikasi rakaman pihak ketiga seperti aplikasi Automatic Call Recorder Pro dan ACR.

**3** Rakaman perbualan telefon Android menggunakan peranti rakaman luaran. Namun begitu, caranya ini bukan mudah kerana memerlukan sedikit teknik rakaman yang betul untuk dapatkan hasil rakaman yang baik. Kaedah ini juga memerlukan kos yang tinggi untuk membeli peranti rakaman tersebut. Peranti rakaman yang terbaik ialah peranti rakaman yang boleh disambung terus kepada telefon Android untuk membuat rakaman seperti Esonic Cell Phone Call Recorder dan RecorderGear PR200.

Namun begitu, perlu dilihat semula dari sudut perundangan sesebuah negara bagi perbuatan merakam perbualan menerusi telefon ini. Sama ada perbuatan merakam perbualan menerusi telefon ini dibenarkan atau sebaliknya atau sekiranya dibenarkan, sampai ke tahap atau situasi mana yang dibenarkan.

